## JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

## DASAR ANTIRASUAH

Jabatan Kerja Raya beriltizam untuk menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus seiring dengan misi JKR. Bagi menjayakan dasar ini, JKR memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan:

1. Melarang warga JKR daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah selaras pematuhan kepada Akta SPRM 2009, undang-undang serta peraturan berkaitan antirasuah yang berkuat kuasa;
2. Membuka ruang kepada warga JKR dan pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah dengan memastikan kerahsiaan maklumat dan pengadu melalui pematuhan kepada Polisi *Whistleblowing*;
3. Bahagian Integriti sebagai Fungsi Pematuhan Antirasuah yang bebas dan mempunyai kuasa terhadap Sistem Pengurusan Antirasuah serta melaporkan kepada Badan Pentadbir Urus (*Governing Body*);
4. Memperkukuh tadbir urus Jabatan ke arah sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan akauntabiliti bagi meningkatkan keyakinan pemegang taruh, pelanggan serta imej Jabatan;
5. Melaksanakan tindakan tatatertib/ undang-undang yang sewajarnya kepada pihak yang melakukan perlakuan rasuah dan pelanggaran berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa; dan
6. Komited ke arah penambahbaikan sistem dan prosedur kerja serta kod etika kerja secara konsisten selaras dengan Pelan Antirasuah Organisasi JKR Malaysia (OACP) dengan hala tuju mencapai sebuah Jabatan Bebas Rasuah.

**DATO' Ir. IBRAHIM BIN ESA**
Ketua Pengarah Kerja Raya
Tarikh: 22 Jun 2026